



# LAPORAN TAHUNAN

PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT



**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN  
MULTIMEDIA MALAYSIA**

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

**T** +60 3 8688 8000    **F** +60 3 8688 1000  
**W** [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

---

**04** Perutusan Pengerusi

**06** Gambaran Keseluruhan

**08** Projek PPS

**10** Capaian Komuniti

- Pusat Internet 1Malaysia
- WiFi Komuniti
- Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti
- Telefoni

**20** Peluasan Liputan Jalur  
Lebar Mudah Alih

- Menara Komunikasi Baharu
- Penaiktarafan Menara Komunikasi  
Sedia Ada

# ISI KANDUNGAN

---

**26** **Peluasan Jalur Lebar  
Talian Tetap**

- Jalur Lebar Pinggir Bandar
- Jalur Lebar Luar Bandar

**32** **Pembangunan  
Rangkaian Teras**

- Peluasan Rangkaian Gentian Optik
- Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia

**38** **Program Sokongan  
Penggunaan Jalur Lebar**

- Pakej Peranti Pintar Dengan Internet

**42** **Cabaran**

**44** **Kumpulan Wang PPS**

**50** **Penyata Kewangan**

# PERUTUSAN PENGERUSI

---



Peningkatan kadar penembusan jalur lebar negara yang kini sudah mencecah 81.5% tidak dinafikan didorong oleh pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah program PPS.

**Dato' Sri Dr. Halim  
Bin Shafie**

**Pengerusi**  
Suruhanjaya Komunikasi  
dan Multimedia Malaysia

# Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia.

2016 melabuhkan tirai dengan beberapa perkara yang menarik berlaku sepanjang pelaksanaan program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Antara perkara yang mencuri perhatian adalah kejayaan pihak Suruhanjaya menangani masalah liputan komunikasi di Sarawak dalam tempoh yang amat singkat.

Pada April 2016, sebanyak 150 menara komunikasi di bawah program PPS berjaya diaktifkan hanya dalam masa 2 bulan pelaksanaan. Dalam masa yang sama, sebanyak 438 lokasi WiFi Komuniti juga turut berjaya diaktifkan. Pencapaian luar biasa ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama dan komunikasi yang baik antara pihak Suruhanjaya dan pemberi perkhidmatan yang dilantik.

Penyediaan capaian komunikasi di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan terus menjadi agenda utama di dalam program PPS. Sehingga akhir tahun 2016, pihak Suruhanjaya telah berjaya membina 1,402 menara komunikasi baharu dan menaiktaraf 2,050 menara komunikasi sedia ada di bawah inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih.

Manakala di bawah inisiatif Peluasan Jalur Lebar Talian Tetap, sebanyak 235,965 sambungan berjaya dilaksanakan menerusi projek Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Jalur Lebar Luar Bandar.

Selain itu, pihak Suruhanjaya juga telah berjaya membina 758 Pusat Internet 1Malaysia, 4,190 WiFi Komuniti, memasang 506 kilometer rangkaian teras gentian optik dan merekodkan 1,679,493 pengaktifan Pakej Peranti Pintar dengan Internet di seluruh negara.

Peningkatan kadar penembusan jalur lebar negara yang kini sudah mencecah 81.5% tidak dinafikan didorong oleh pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah program PPS. Pihak Suruhanjaya berharap kesemua usaha yang dilaksanakan ini mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih terkehadapan dari segi penyediaan infrastruktur komunikasi yang menyeluruh.

Saya berasa sukacita membentangkan laporan tahunan PPS bagi tahun 2016.

## Status keseluruhan projek

### PUSAT INTERNET 1MALAYSIA

# 758\*

lokasi dibina

2016 | 101

### PERPUSTAKAAN JALUR LEBAR KOMUNITI

# 44

lokasi dibina

### MENARA KOMUNIKASI BAHARU

# 1,402

menara dibina dan diaktifkan

2016 | 396

### JALUR LEBAR PINGGIR BANDAR

# 219,390

sambungan tersedia

2016 | 129,218

### PAKEJ PERANTI PINTAR DENGAN INTERNET

# 1,679,493

unit diaktifkan

2016 | 435,604

### MINI PUSAT INTERNET 1MALAYSIA

# 6

lokasi dibina

2016 | 5

### TELEFONI

# 1,252

unit dipasang

### PENAIKTARAFAN MENARA KOMUNIKASI SEDIA ADA

# 2,050

menara dinaiktaraf

2016 | 1,298

### PENAIKTARAFAN RANGKAIAN GENTIAN OPTIK

# 506

kilometer kabel gentian  
optik dipasang

2016 | 170

### Angka adalah sehingga 31 Disember 2016

*\*Termasuk Mini Pusat Internet  
1Malaysia & Next Generation  
Pusat Internet 1Malaysia*

### NEXT GENERATION PUSAT INTERNET 1MALAYSIA

# 2

lokasi dibina

### WIFI KOMUNITI

# 4,190

lokasi dibina

2016 | 1,212

### JALUR LEBAR LUAR BANDAR

# 16,575

sambungan tersedia

2016 | 9,875

### SISTEM KABEL RAKYAT 1MALAYSIA

# 2,810

kilometer kabel gentian  
optik dipasang

# GAMBARAN KESELURUHAN





**PUSAT INTERNET**





# PROJEK PPS

---

**1 MALAYSIA**

[www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# CAPAIAN KOMUNITI





YouTube

Search

Mypp  
inspirasi

Baju Kurun

ices Sdn. Bhd.

Suggested by Inspirasi

#DapurDara: The Search. (Full Episode)

0:26 / 0:30

#DapurDara musim pertama bersama Shazz!

Inspirasi

Subscribe

HATI ORMA

14/10

#DapurDara

1:01:10

Most Affordable / CCU / K-SNEAKER (O) FUTURE YAMS SKB HI

# PUSAT INTERNET 1MALAYSIA

Umum mengetahui kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dalam menyediakan capaian jalur lebar secara kolektif serta pendedahan ilmu ICT dan keusahawanan terutamanya kepada komuniti luar bandar.

Pelaksanaan PI1M tidak hanya tertumpu di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan seperti di luar bandar tetapi turut memberi fokus kepada golongan yang kurang diberi perkhidmatan di kawasan bandar seperti komuniti yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah.

“Pelaksanaan PI1M tidak hanya tertumpu di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan seperti di luar bandar tetapi turut memberi fokus kepada golongan yang kurang diberi perkhidmatan di kawasan bandar seperti komuniti yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah.”



WELCOME  
TO  
PI1M SG

Selain memberi latihan ICT dan keusahawanan secara percuma, PIIM juga menyediakan fasiliti khas bagi golongan OKU untuk melayari internet dengan menyediakan ruangan khas serta peranti-peranti khusus bagi golongan tersebut menikmati kemudahan ICT.

Bermula tahun 2015, pihak Suruhanjaya mula memperkenalkan Mini PIIM bagi komuniti kecil di pedalaman dan *Next Generation* PIIM yang merupakan PIIM yang lebih terkehadapan dengan fungsi khas tersendiri.

Berbeza dengan PIIM yang dilengkapi dengan 20 unit komputer, Mini PIIM hanya dilengkapi dengan 10 unit komputer dan dikendalikan oleh seorang Penolong Pengurus. Walaupun Mini PIIM hanya berkeluasan sekitar 300 hingga 500 kaki persegi, ia turut menawarkan perkhidmatan yang sama seperti PIIM yang lain. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 6 Mini PIIM siap dibina dan beroperasi di seluruh negara.

*Next Generation* PIIM pula diwujudkan bagi memupuk masyarakat berinovasi melalui penganjuran bengkel dan pertandingan aplikasi mudah alih selain turut menjadi pusat gerakan apabila berlaku bencana alam di kawasan setempat. Sehingga kini, 2 *Next Generation* PIIM telah siap dan beroperasi di Kemaman, Terengganu yang dikenali sebagai Lab Inovasi Terbuka Kemaman dan Pusat Gerakan Bencana Kemaman.

Secara keseluruhan, sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 758 PIIM siap dibina dan beroperasi sepenuhnya di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 PIIM dibina di kawasan bandar.

### Jumlah Pusat Internet 1Malaysia dilaksanakan mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan



# Program Yang Dilaksanakan di PI1M



**Komuniti Pintar 2 Next Generation** PI1M yang dikenali sebagai Lab Inovasi Terbuka Kemaman & Pusat Gerakan Bencana Kemaman merupakan antara projek utama dalam pengisian program Komuniti Pintar Kemaman



**Bengkel Aplikasi Dan Lego (#BAL)** Sebuah program untuk memperkasa komuniti setempat dengan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) melalui bengkel aplikasi dan lego




**Skrip ke Skrin** Sebuah program penghasilan video pendek yang lebih komprehensif bagi mempromosi produk tempatan dengan lebih efektif dan meluas melalui platform media sosial seperti Youtube, laman e-dagang dan lain-lain



**Sukarelawan ICT Malaysia (MIV)** Sebuah program sukarelawan ICT untuk menggalakkan orang ramai menyertai dan menyumbang kepada pemerikasaan rakyat Malaysia untuk menjadi Warga Digital



**Mykomuniti Kreatif (#Mykif)** Sebuah platform untuk menggalakkan komuniti setempat menghasilkan video informatif seperti tutorial, resepi dan lain-lain



**Peperiksaan Radio Amatur Berkomputer** Peperiksaan berkomputer bagi mendapatkan lesen Radio Amatur yang dijalankan di PI1M terpilih



**Klik Dengan Bijak** Sebuah program yang membudayakan penggunaan internet secara positif berteraskan 3 aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia sendiri dalam membendung masalah penyalahgunaan Internet



**MyMaker (#myMaker)** Sebuah program berasaskan teknologi melibatkan pembelajaran, perkongsian dan pembinaan peranti terhubung dengan menggunakan papan terbina, pengesan, 3D, robotik dan dron



**Mobile e-waste** Sebuah kempen kesedaran untuk mempromosi pengurusan e-sisa mudah alih



# WIFI KOMUNITI

Inisiatif WiFi Komuniti (WK) menyediakan capaian jalur lebar tanpa wayar secara hotspots yang dilaksanakan dalam lingkungan 3 kilometer dari Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dengan menggunakan pendekatan *Hub & Spoke*.

Pendekatan *Hub & Spoke* yang mula dilaksanakan pada tahun 2014 dilihat mampu mengoptimasi penggunaan lebar jalur (*bandwidth*) dengan lebih baik sekaligus memberi kelancaran capaian jalur lebar serta meningkatkan kualiti perkhidmatan WK. Oleh yang demikian, WK yang beroperasi secara sendiri (*standalone*) yang telah tamat kontrak tidak lagi diteruskan bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan *Hub & Spoke* yang lebih baik.

PI1M yang berfungsi sebagai Hub yang menempatkan pelayan *cache* juga berfungsi sebagai pusat pemantauan rangkaian bagi perkhidmatan WK. Pengurus PI1M telah dipertanggungjawabkan bagi memantau perkhidmatan WK dari semasa ke semasa dan melaporkan sebarang masalah perkhidmatan kepada pemberi perkhidmatan.

Pihak Suruhanjaya berharap komuniti setempat dapat mempraktikkan ilmu ICT yang dipelajari di PI1M dengan menggunakan kemudahan WK yang disediakan.

Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 4,190 WK telah siap dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 1,212 WK dilaksanakan pada tahun 2016.





Jumlah WiFi Komuniti dilaksanakan mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan



Pihak Suruhanjaya berharap komuniti setempat dapat mempraktikkan ilmu ICT yang dipelajari di PIIM dengan menggunakan kemudahan WK yang disediakan.

# PERPUSTAKAAN JALUR LEBAR KOMUNITI

Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti (PJK) mula diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menyediakan capaian jalur lebar di Perpustakaan Negeri terpilih di seluruh negara.

Berbeza dengan Pusat Internet 1Malaysia, PJK hanya dikendalikan oleh seorang penyelia yang bertanggungjawab mengurus operasi PJK dan mengelola latihan ICT kepada komuniti setempat.

Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 44 PJK masih beroperasi di seluruh negara.

Jumlah Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti dilaksanakan mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan



“Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 44 PJK masih beroperasi di seluruh negara.”



Pihak Suruhanjaya akan terus mengekalkan inisiatif ini selagi masih terdapat permintaan terhadap kemudahan telefon awam di seluruh negara.



## TELEFONI

Inisiatif Telefoni yang melibatkan pemasangan telefon awam berbayar mula dilaksanakan pada tahun 2002 dan masih lagi diteruskan sehingga kini.

Pelaksanaan inisiatif ini pernah mencecah lebih dua ribu unit telefon awam, namun jumlah ini telah jauh berkurangan ekoran dari peredaran teknologi semasa yang lebih tertumpu kepada penggunaan telefon mudah alih sebagai medium komunikasi.

Walaupun begitu, masih terdapat lagi kawasan-kawasan yang masih memerlukan telefon awam seperti di kawasan pedalaman.

Pihak Suruhanjaya akan terus mengekalkan inisiatif ini selagi masih terdapat permintaan terhadap kemudahan telefon awam di seluruh negara.

Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 1,252 unit telefon awam berbayar masih beroperasi dan diselenggara di seluruh negara.

### Jumlah Telefon Awam Berbayar dipasang mengikut Negeri







**PELUASAN  
LIPUTAN  
JALUR LEBAR  
MUDAH ALIH**

---

# MENARA KOMUNIKASI BAHARU

Bagi memperluaskan liputan selular dan jalur lebar mudah alih, pihak Suruhanjaya telah membina menara komunikasi baharu di kawasan yang tiada liputan perkhidmatan dan di kawasan yang menghadapi masalah liputan perkhidmatan yang lemah di seluruh negara.

Sebanyak 1,000 menara komunikasi Time 3 telah siap dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015, manakala sebanyak 302 menara komunikasi Time 3 Lanjutan telah siap dibina dan diaktifkan sehingga akhir tahun 2016.

Selain dari pembinaan menara komunikasi Time 3 dan Time 3 Lanjutan, pihak Suruhanjaya juga turut membina menara komunikasi berskala kecil bagi menangani masalah taburan populasi yang jarang dan kawasan yang terlindung dari liputan perkhidmatan. Bagi tujuan ini, sebanyak 100 menara komunikasi berskala kecil telah siap dibina dan diaktifkan sehingga akhir tahun 2016.

Pembinaan menara-menara komunikasi baharu ini telah berjaya meningkatkan kadar liputan populasi jalur lebar mudah alih negara kepada 91% sehingga suku keempat 2016. Menara-menara baharu ini yang kebanyakannya berada di kawasan pedalaman telah banyak membantu dalam mempermudah urusan komunikasi bagi komuniti yang berada jauh dari bandar.

**76**  
meter

## Menara Time 3 / Time 3 Lanjutan

Purata Jarak Liputan:  
3 – 5 kilometer





Jumlah  
Menara Komunikasi  
Mengikut Negeri

### Menara Time 3

 59	 62
 40	 212
 81	 203
 33	 26
 207	 77

### Menara Time 3 Lanjutan

 8	 8
 16	 70
 17	 131
 13	 39




Pembinaan menara-menara komunikasi baharu ini telah berjaya meningkatkan kadar liputan populasi jalur lebar mudah alih negara kepada 91% sehingga suku keempat 2016.



\*(Gambar rajah atas) Menara Berskala Kecil (Smallcell)

\*(Gambar rajah kiri) Menara Time 3 / Time 3 Lanjutan

Spesifikasi dan jenis menara komunikasi di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejahtera




**Menara Berskala Kecil (Smallcell)**

Purata Jarak Liputan: 1 - 3 kilometer



Jumlah Menara Komunikasi Mengikut Negeri




Jumlah  
**1,402** | 2016  
**396**

# PENAIKTARAFAN MENARA KOMUNIKASI SEDIA ADA

Jumlah lokasi Menara Komunikasi Sedia Ada dinaiktaraf mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan

Pihak Suruhanjaya berharap inisiatif ini mampu memenuhi permintaan terhadap jalur lebar mudah alih di seluruh negara.



Jumlah  
**2,050** | <sup>2016</sup> 1,298




Selain pelaksanaan menara komunikasi baharu, pihak Suruhanjaya juga turut menaiktaraf menara komunikasi sedia ada yang hanya menyediakan perkhidmatan 2G kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di seluruh negara.

Inisiatif ini diwujudkan bagi menyediakan liputan jalur lebar mudah alih 3G di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan terutamanya di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan jalur lebar talian tetap.

Pihak Suruhanjaya berharap inisiatif ini mampu memenuhi permintaan terhadap jalur lebar mudah alih di seluruh negara sekaligus merangsang penggunaan peranti pintar di kalangan komuniti luar bandar serta pedalaman.

Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 2,050 menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 1,298 menara sedia ada telah dinaiktaraf pada tahun 2016.



# PELUASAN JALUR LEBAR TALIAN TETAP






# JALUR LEBAR PINGGIR BANDAR

Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) merupakan antara inisiatif yang telah diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi mencapai sasaran penyediaan jalur lebar talian tetap yang menyeluruh di seluruh negara menjelang tahun 2020.


Melalui inisiatif ini, sebanyak 420,000 sambungan melibatkan 420 ibusawat telah diperuntukkan untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2015. Inisiatif SUBB ini menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan sehingga 20 megabit sesaat dengan tumpuan liputan di kawasan pinggir dan luar bandar.

SUBB dilaksanakan melalui konsep perkongsian awam-swasta yang mana sebahagiannya dibiayai melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 219,390 sambungan telah tersedia di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 129,218 sambungan dilaksanakan pada tahun 2016.



Jumlah Sambungan Tersedia Mengikut Negeri



Jumlah Keseluruhan  
**219,390** | <sup>2016</sup> 129,218

Inisiatif SUBB ini menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan sehingga 20 megabit sesaat dengan tumpuan liputan di kawasan pinggir dan luar bandar.



# JALUR LEBAR LUAR BANDAR

Berbeza dengan inisiatif Jalur Lebar Pinggir Bandar, pelaksanaan Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) dibiayai sepenuhnya melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejangat dan memberi tumpuan kepada peluasan liputan jalur lebar talian tetap di kawasan luar bandar.

Inisiatif RBB menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan bermula 4 megabit sesaat yang turut melibatkan penaiktarafan rangkaian teras dari ibusawat ke kabinet sehingga ke kediaman atau premis.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 16,575 sambungan telah tersedia di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 9,875 sambungan dilaksanakan pada tahun 2016.

## Jumlah Sambungan Tersedia Mengikut Negeri



**“** Inisiatif RBB menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan bermula 4 megabit sesaat. **”**









# PEMBANGUNAN RANGKAIAN TERAS

---

# PELUASAN RANGKAIAN GENTIAN OPTIK

**Pihak Suruhanjaya berharap inisiatif ini mampu melonjakkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi di seluruh negara sekaligus meningkatkan kadar liputan populasi jalur lebar mudah alih negara.**

Inisiatif Peluasan Rangkaian Gentian Optik diperkenalkan bagi menaiktaraf rangkaian sedia ada yang menghubungkan menara-menara komunikasi kepada rangkaian gentian optik. Penaiktarafan rangkaian gentian optik ini akan meningkatkan kapasiti rangkaian serta membolehkan perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih baik dapat disediakan di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan.

Pihak Suruhanjaya berharap inisiatif ini mampu melonjakkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi di seluruh negara sekaligus meningkatkan kadar liputan populasi jalur lebar mudah alih negara.

Sehingga 31 Disember 2016, sepanjang 506 kilometer rangkaian gentian optik telah dipasang diseluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 170 kilometer rangkaian gentian optik dipasang pada tahun 2016.



**Gambaran umum pelaksanaan Peluasan Rangkaian Gentian Optik**

- △ Menara Komunikasi
- Rangkaian Gentian Optik Baharu
- Rangkaian Teras Gentian Optik Sedia Ada



**Jumlah Jarak Gentian Optik dipasang mengikut negeri**



# SISTEM KABEL RAKYAT 1MALAYSIA

Laluan Kabel Dasar Laut SKR1M



Jarak Keseluruhan	Jumlah Kapasiti	Status Pelaksanaan	Jangkaan Siap
3,832 kilometer	4 terabit sesaat	76% / 2,810 kilometer	Jun 2017

SKR1M  
Miri S3  
OPTICAL FIBER CABLE

SKR1M  
Miri S4  
POWER CABLE

SKR1M  
Miri S4  
PFE EARTH CABLE

SKR1M  
Miri S4  
OPTICAL FIBER CABLE



Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) diwujudkan bagi menggantikan kabel dasar laut domestik sedia ada yang telah beroperasi lebih dari 20 tahun. Rangkaian kabel dasar laut gentian optik SKR1M dengan jarak keseluruhan 3,832 kilometer berkapasiti 4 terabit sesaat ini melibatkan 6 stesen pendaratan yang terletak di Mersing, Kuching, Bintulu, Miri, Kota Kinabalu dan Cherating.

Pada 15 Ogos 2016, YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi Dan Multimedia Malaysia telah merasmikan majlis pendaratan kabel dasar laut SKR1M di Stesen Kabel Dasar Laut Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah.

Antara aktiviti lain yang turut berlaku sepanjang 2016 adalah perkongsian pengetahuan dan verifikasi di antara pihak Suruhanjaya, penyedia perkhidmatan dan syarikat pengeluar kabel dasar laut milik NEC di Tokyo, Jepun. Selain itu, pihak Suruhanjaya juga sentiasa memantau pelaksanaan projek dengan membuat lawatan tapak termasuk lawatan ke kapal pemasangan kabel dasar laut.


Secara keseluruhan, pelaksanaan SKR1M telah mencapai 76% siap dengan jarak kabel dasar laut yang telah dipasang sepanjang 2,810 kilometer. SKR1M dijangka siap dilaksanakan pada suku kedua 2017.





# **PROGRAM SOKONGAN PENGUNAAN JALUR LEBAR**

---



# PAKEJ PERANTI PINTAR DENGAN INTERNET

Jumlah Peranti Pintar diaktifkan mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan



Antara usaha yang dilakukan pihak Suruhanjaya bagi meningkatkan kadar penggunaan jalur lebar mudah alih terutamanya di kawasan luar bandar adalah dengan memperkenalkan inisiatif Pakej Peranti Pintar Dengan Internet.

Melalui inisiatif ini, pengguna ditawarkan peranti pintar terpilih dengan harga yang jauh lebih rendah dari harga jualan yang disyorkan. Selain itu, pengguna juga turut ditawarkan dengan langganan internet percuma selama satu tahun.



Pihak Suruhanjaya amat berharap pelaksanaan inisiatif ini dapat mendorong komuniti terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar untuk turut sama menggunakan internet dan aplikasi-aplikasi mudah alih dalam urusan seharian sekaligus mewujudkan masyarakat berasaskan pengetahuan dan secara tidak langsung meningkatkan kadar penembusan jalur lebar serta langganan jalur lebar mudah alih negara.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 1,679,493 unit peranti pintar telah diaktifkan melalui pakej ini. Daripada jumlah tersebut, 435,604 unit diaktifkan pada tahun 2016.



# CABARAN



## • Halangan Geografi

Kawasan berbukit dan berhutan tanpa laluan menyukarkan pengangkutan bahan binaan dan peralatan ke tapak projek.



## • Cuaca

Keadaan cuaca yang tidak menentu dan sukar dijangka akan memperlambatkan pelaksanaan projek.




## • Kos

Cabaran dari segi halangan geografi dan teknologi mengakibatkan kos pelaksanaan yang lebih tinggi bagi meliputi kawasan berpenduduk kecil dalam jarak yang luas.



## • Teknologi

Kadar populasi yang rendah serta taburan penduduk yang jarang menyukarkan pemilihan tapak yang sesuai bagi menyediakan perkhidmatan tanpa wayar. Sebahagian besar kawasan pedalaman juga tidak mempunyai bekalan elektrik atau menghadapi masalah bekalan elektrik yang tidak stabil.



## • Ekonomi

Kebanyakan penduduk di kawasan pedalaman merupakan golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, kadar langganan perkhidmatan dijangka rendah dan kurang menjana ekonomi.




Walau apa sekalipun cabaran yang perlu dihadapi untuk melaksanakan program PPS, pihak Suruhanjaya sentiasa komited untuk menghadapi segala cabaran bagi memastikan infrastruktur dan perkhidmatan komunikasi dapat disediakan mengikut perancangan agar kumpulan sasar dapat berhubung dan tidak ketinggalan dalam arus ekonomi digital.





BERSEKUTU  
KUALITI

50

The background features a warm, orange-toned photograph of palm trees and a tall tower. A semi-transparent red rectangle is overlaid in the center, containing the title text. A thin red horizontal line is positioned below the text.

# **KUMPULAN WANG PPS**

# Kumpulan Wang PPS

Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Kumpulan Wang PPS) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kumpulan Wang PPS diwujudkan bagi tujuan pelaksanaan kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi di kawasan-kawasan dan komuniti yang kurang mendapat liputan perkhidmatan. Tuntutan projek dalam bentuk Perbelanjaan Modal (CAPEX) dan Perbelanjaan

Operasi (OPEX) daripada Kumpulan Wang PPS dibayar kepada pemberi perkhidmatan yang dilantik setelah diluluskan oleh Suruhanjaya.

Sumbangan oleh pemegang lesen kepada Kumpulan Wang PPS adalah berdasarkan tiga faktor yang digariskan oleh Peraturan 2002 Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) seperti berikut:



## Pengiraan sumbangan kepada Kumpulan Wang PPS oleh Pemegang Lesen (Menurut Peraturan 27, Peraturan PPS)

Peraturan 27, yang terkandung dalam Peraturan PPS mewajibkan kesemua pemegang lesen (kecuali pemegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP)), sekiranya hasil bersih yang diperolehi bagi tahun kalendar sebelumnya daripada perkhidmatan yang dianugerahkan adalah melebihi ambang hasil minimum yang ditetapkan pada RM2 juta dalam satu tahun kalendar, 6% daripada hasil bersih yang ditentukan perlu disumbangkan kepada Kumpulan Wang PPS.

Perkhidmatan Dinamakan	Faktor Penentu	
	Sehingga 31 Disember 2003	Mulai 1 Januari 2004

Dikawalselia di bawah Kaedah-Kaedah Komunikasi dan Multimedia (Kadar) 2002

1	Panggilan tempatan	0	0
2	Panggilan nasional	1	0
3	Sewaan untuk talian ibu sawat (kediaman dan perniagaan)	0	0
4	Panggilan bantuan operator	1	0
5	Perkhidmatan bantuan direktori	0	0
6	Perkhidmatan sambungan	0	0
7	Perkhidmatan penyambungan semula	0	0
8	Caj komunikasi capaian Internet	0	0
9	Caj capaian Internet	0	0
10	Perkhidmatan perumah teks audio	1	0

Tidak dikawalselia di bawah Kaedah-kaedah Komunikasi dan Multimedia (Kadar) 2002

11	Panggilan antarabangsa	1	1
12	Perkhidmatan penamatan panggilan yang diberikan kepada pemberi kemudahan rangkaian asing, pemberi perkhidmatan rangkaian asing atau pemberi perkhidmatan aplikasi asing	1	1
13	Perkhidmatan panggilan percuma	1	1
14	RPDB	1	1
15	Perkhidmatan bergerak bersel	0.5	1
16	Perkhidmatan perayauan antarabangsa	0.5	1
17	Telefoni IP	1	1
18	Talian Pajakan	1	1
19	Aktiviti-aktiviti lain yang tertakluk kepada lesen individu atau kelas	0	1

Jadual C dalam Peraturan PPS

Sumbangan kepada Kumpulan Wang PPS adalah dikira berdasarkan pulangan hasil bersih yang dilaporkan oleh semua pemegang lesen perkhidmatan yang dilantik. Ia merupakan satu kewajipan tahunan dan pemegang lesen perlu melaporkan pulangan dan juga penyata kewangan yang telah diaudit, bagi tahun kalendar yang lepas sebelum 30 Jun setiap tahun. Format pulangan adalah seperti yang digariskan dalam Peraturan PPS. Selepas jumlah hasil bersih diperolehi, formula bagi sumbangan adalah seperti berikut:



### Formula Sumbangan

## Kutipan Kumpulan Wang PPS

Sejumlah RM1.04 bilion telah dikenalpasti sebagai pendapatan untuk Kumpulan Wang PPS pada tahun 2016. Ini berdasarkan Penyata Hasil Bersih yang dihantar oleh pemegang lesen untuk hasil yang diterima dalam tahun kalendar tersebut serta

pendapatan daripada faedah selepas mengambil kira kerugian daripada ketidakselarasan.

Penyumbang Utama kepada Kumpulan Wang PPS Tahun 2016 adalah pemegang lesen seperti berikut:

### Nama Pemegang Lesen



Penyumbang Utama kepada Kumpulan Wang PPS Tahun 2016.



# Pembayaran

Peraturan 20 dan 20A daripada Peraturan ini menyediakan mekanisma PPS bagi menghantar tuntutan untuk kos projek PPS. Sebagai tambahan, Peraturan 12 PPS membenarkan pembayaran untuk bayaran pendahuluan bagi kos modal pelaksanaan projek PPS.

Jumlah bayaran RM1.29 bilion telah dibayar kepada pelbagai pemberi perkhidmatan yang dilantik dalam tahun 2016 untuk pelaksanaan projek PPS seperti Skim Clawback, Peluasan Liputan Selular, Pusat Internet 1Malaysia, WiFi Komuniti dan Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti.

Secara ringkas, jadual di bawah menunjukkan sumbangan (berdasarkan pemberitahuan yang dikeluarkan) dan pembayaran (termasuk pembayaran terakru) dari tahun 2003 hingga 2016:

Tahun	Sumbangan (RM'000)	Pembayaran (RM'000)
2003	811,945	10,639
2004	512,114	23,592
2005	697,298	44,304
2006	800,845	22,788
2007	896,769	59,318
2008	1,011,645	153,843
2009	992,633	47,684
2010	1,210,377	263,882
2011	1,429,000	896,550
2012	1,445,017	1,421,298
2013	1,454,664	1,497,032
2014	1,486,357	729,905
2015	1,498,237	1,394,479
2016	1,043,679	1,287,256

Sumbangan dan Pembayaran dari tahun 2003 hingga 2016



# PENYATA KEWANGAN



## **Penyata oleh Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Kami, Tan Sri Dr. Halim Shafie dan Chin Yoong Kheong, merupakan dua Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota-anggota Suruhanjaya, penyata kewangan dikemukakan pada halaman 59 hingga 80 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang pada 31 Disember 2016 dan pendapatan dan perbelanjaan dan aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi oleh Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bertarikh 13 November 2017

t.t.  
Tan Sri Dr. Halim Shafie

t.t.  
Chin Yoong Kheong

## Perakuan Berkanun

Saya, Cho Shi Chong, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada halaman 59 hingga 80 adalah, setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, benar dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya, dan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui oleh yang tersebut di atas di Putrajaya, Wilayah Persekutuan pada 13 November 2017

t.t.  
Cho Shi Chong

t.t.  
Di hadapan saya:  
Pesuruhjaya Sumpah Malaysia  
No: A-W 243  
Azman Bin Asri



**Ernst & Young** AF 0039  
 GST Reg No: 001556430848  
 Chartered Accountants  
 Level 23A Menara Milenium  
 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara  
 50490 Kuala Lumpur Malaysia

Tel: +603 7495 8000  
 Fax: +603 2095 5332 (General Line)  
 +603 2095 9076  
 +603 2095 9078  
 ey.com

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KE ATAS KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

### Laporan mengenai penyata kewangan

#### *Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat ("Kumpulan Wang"), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang pada 31 Disember 2016, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan dan kerugian diiktiraf dan penyata aliran tunai Kumpulan Wang bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi-polisi perakaunan penting, seperti yang dikemukakan pada muka surat 59 hingga 80.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang pada 31 Disember 2016, dan mengenai prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir ketika itu mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

#### *Asas kepada pendapat*

Kami telah menjalankan audit tersebut mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diterangkan selanjutnya di bahagian Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

#### *Kebebasan dan tanggungjawab etika lain*

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Kumpulan Wang mengikut Undang-undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.



## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KE ATAS KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

*Maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit*

Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“Suruhanjaya”) adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada laporan tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan Wang dan laporan juruaudit. Kami mengharapkan laporan tahunan ini boleh diperolehi selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan Wang ini tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan Wang, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan Wang mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang kami laksanakan ke atas maklumat lain, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam maklumat lain, kami wajib melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa penemuan untuk dilaporkan berkaitan ini.

Apabila kami membaca laporan tahunan, jika kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara, kami dikehendaki untuk menyampaikan hal ini kepada Anggota-anggota Suruhanjaya dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

*Tanggungjawab Anggota-anggota bagi penyata kewangan*

Anggota-anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang yang memberikan gambaran yang benar dan saksama mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Anggota-anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman tertentu sebagaimana Anggota-anggota Suruhanjaya tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan Wang, Anggota-anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika Suruhanjaya berhasrat untuk membubarkan Kumpulan Wang atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.



## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KE ATAS KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

*Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan*

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ada. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara terkumpul, ianya boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit dijalankan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding salah nyata akibat daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, salah nyata, atau melangkau kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalaman berkaitan dengan audit bagi tujuan merancang prosedur audit yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota-anggota.





## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KE ATAS KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

*Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan (samb.)*

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan Wang untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan Wang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan Wang untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan Wang, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang mewakili urusan niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.
- Mendapat bukti audit bersesuaian yang mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti Kumpulan Wang untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan Wang. Kami bertanggungjawab ke atas penentuan arah, pemantauan dan prestasi audit Kumpulan Wang. Kami bertanggungjawab ke atas pendapat audit yang kami keluarkan.

Kami berkomunikasi dengan Suruhanjaya mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan audit yang penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

### Laporan mengenai keperluan undang-undang dan berperaturan lain

Selaras dengan keperluan Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Peraturan untuk disimpan oleh Kumpulan Wang telah disimpan dengan teratur menurut peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.



## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KE ATAS KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT**

### **Perkara-perkara lain**

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Suruhanjaya, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 36(2) Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak bagi kandungan laporan ini.

t.t.  
Ernst & Young  
AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

t.t.  
Nik Rahmat Kamarulzaman bin Nik Ab. Rahman  
No. 1759/02/18 (J)  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
13 November 2017

# Penyata kedudukan kewangan

Pada 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
<b>Aset</b>			
<b>Aset bukan semasa</b>			
Aset cukai tertunda	3	5,349	1,945
<b>Aset semasa</b>			
Lain-lain pelaburan	4	7,550,000	6,640,000
Caruman dan lain-lain penghutang	5	1,137,905	1,891,586
Cukai boleh diperolehi semula		241,740	-
Tunai dan setara tunai	6	398,860	1,128,766
		9,328,505	9,660,352
<b>Jumlah aset</b>		9,333,854	9,662,297
<b>Liabiliti semasa</b>			
Lain-lain pemiutang	7	830,442	1,117,676
Cukai perlu dibayar		-	99,414
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		830,442	1,217,090
<b>Diwakili oleh:</b>			
Dana terkumpul	8	8,503,412	8,445,207
<b>Jumlah liabiliti &amp; dana terkumpul</b>		9,333,854	9,662,297

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

# Penyata pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian diiktiraf

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
<b>Pendapatan</b>			
Caruman	10	1,043,679	1,498,237
Pendapatan faedah		312,520	288,362
Keterbalikan peruntukan bagi kerosotan nilai		13,027	10,854
		<u>1,369,226</u>	<u>1,797,453</u>
<b>Perbelanjaan</b>			
Tuntutan oleh pemberi perkhidmatan sejagat		(1,287,256)	(1,394,479)
Peruntukan bagi kerosotan nilai	5	(6,636)	(3,385)
Perbelanjaan hutang lapuk		(1,936)	(2,069)
Lain-lain perbelanjaan		(2)	(2)
		<u>(1,295,830)</u>	<u>(1,399,935)</u>
<b>Lebihan sebelum cukai</b>			
Perbelanjaan cukai	11	73,396	397,518
		(15,191)	(99,440)
<b>Lebihan selepas cukai, mewakili jumlah keuntungan diiktiraf</b>		<u>58,205</u>	<u>298,078</u>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

# Penyata aliran tunai

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
<b>Aliran tunai daripada kegiatan kendalian</b>			
Lebihan sebelum cukai		73,396	397,518
Pelarasan bagi:			
Keterbalikan peruntukan hutang ragu		(11,766)	-
Peruntukan bagi hutang ragu		6,636	-
Pendapatan faedah		(312,520)	(288,362)
<b>(Defisit)/lebihan kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja</b>		(244,254)	109,156
Perubahan dalam modal kerja:			
Caruman dan lain-lain caruman		802,155	(298,921)
Lain-lain pemiutang		(287,234)	821,899
Tunai dihasilkan daripada operasi		514,921	522,978
Tunai dibayar		(359,749)	(260,335)
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan kendalian</b>		(89,082)	371,799
<b>Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan</b>			
Faedah diterima		269,176	296,054
Penempatan dalam lain-lain pelaburan		(910,000)	(490,000)
<b>Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan</b>		(640,824)	(193,946)
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		(729,906)	177,853
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		1,128,766	950,913
<b>Tunai dan setara tunai pada 31 Disember</b>	6	398,860	1,128,766

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

# Nota kepada penyata kewangan Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

## 1. Maklumat Korporat

Kegiatan utama Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (“Kumpulan Wang”) adalah untuk menggalakkan ketersediaan dan penggunaan perkhidmatan rangkaian secara meluas dan/atau perkhidmatan aplikasi di seluruh Malaysia dengan menggalakkan pemasangan kemudahan rangkaian dan penyediaan bagi perkhidmatan rangkaian dan/atau perkhidmatan aplikasi di kawasan yang kurang liputan perkhidmatan atau bagi kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat.

Kumpulan Wang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan dikawal atur oleh Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002. Kumpulan Wang memulakan operasinya pada September 2002. Kumpulan Wang diuruskan oleh kakitangan pengurusan penting Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“Suruhanjaya”) selaras dengan peraturan-peraturan tersebut di atas.

Alamat tempat perniagaan utama adalah seperti berikut:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
MCMC Tower 1, Jalan Impact Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya pada 13 November 2017.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting

### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan Wang telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”). Penyata kewangan juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa sebagaimana dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali sebagaimana dinyatakan dalam polisi-polisi perakaunan di bawah.

Penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan semua nilai dibundarkan kepada jumlah ribu (“RM’000”) terdekat kecuali apabila dinyatakan sebaliknya.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.2 Piawaian dan Taksiran dikeluarkan dan diterima pakai

Pada 1 Januari 2016, Kumpulan Wang menerima pakai secara mandatori piawaian dan pindaan ke atas piawaian MFRS berikut bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang dinyatakan di bawah:

<b>Penerangan</b>	<b>Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas</b>
Pindaan kepada MFRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2012-2014)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2012-2014)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan (Penggunaan Pengecualian Penyatuan)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain (Penggunaan Pengecualian Penyatuan)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Inisiatif Pendedahan)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 119 Manfaat Kakitangan (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2012-2014)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu Usaha Sama (Penggunaan Pengecualian Penyatuan)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 134 Pelaporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2012-2014)	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 11 Perakaunan bagi Pengambilalihan Kepentingan dalam Usaha Sama	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 116 dan 138 Penjelasan Kaedah Boleh Diterima Susut Nilai dan Pelunasan	1 Januari 2016
Pindaan kepada MFRS 127 Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan	1 Januari 2016

Penerimaan pakai piawaian di atas tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan dalam tempoh penggunaan awalnya.

### 2.3 Piawaian dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa

Piawaian yang dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran penyata kewangan Kumpulan Wang adalah dinyatakan di bawah. Kumpulan Wang berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, sekiranya berkenaan, apabila ia mula berkuat kuasa.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.3 Piawaian dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasakan (samb.)

Penerangan	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu dan Usaha Samanya)	Ditangguhkan
Pindaan kepada MFRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Ekuiti Lain (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014–2016)	1 Januari 2017
Pindaan kepada MFRS 107 Penyata Aliran Tunai (Inisiatif Pendedahan)	1 Januari 2017
Pindaan kepada MFRS 112 Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Direalis	1 Januari 2017
MFRS 9 Instrumen Kewangan	1 Januari 2018
MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan-pelanggan	1 Januari 2018
MFRS 16 Pajak	1 Januari 2019

Anggota-anggota menjangkakan bahawa penerimaan pakai piawaian di atas tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan dalam tempoh penggunaan awal kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah.

#### **MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan-pelanggan**

MFRS 15 mewujudkan model lima langkah baru yang akan digunakan untuk mengiktiraf hasil yang diperolehi daripada kontrak dengan pelanggan-pelanggan. MFRS 15 akan menggantikan panduan pengiktirafan hasil semasa termasuk MFRS 118 Hasil, MFRS 111 Kontrak Pembinaan dan tafsiran yang berkaitan apabila ia menjadi berkuat kuasa.

Prinsip teras MFRS 15 adalah bahawa entiti hendaklah mengiktiraf hasil yang menggambarkan pemindahan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan-pelanggan dalam jumlah yang menunjukkan balasan kepada mana entiti tersebut dijangka layak sebagai pertukaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Di bawah MFRS 15, entiti mengiktiraf hasil apabila (atau bila) obligasi prestasi diselesaikan, iaitu apabila “kawalan” barangan atau perkhidmatan mendasari obligasi prestasi tertentu dipindahkan kepada pelanggan.

Sama ada penggunaan retrospektif penuh atau diubah suai adalah diperlukan bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Anggota-anggota menjangkakan bahawa penggunaan MFRS 15 akan mempunyai kesan material ke atas jumlah yang dilaporkan dan pendedahan yang dibuat dalam penyata kewangan Kumpulan Wang. Kumpulan Wang pada masa ini menilai kesan MFRS 15 dan merancang untuk menerima pakai piawaian baru pada tarikh berkuat kuasa yang diperlukan.



## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.4 Cukai pendapatan

#### (a) Cukai pendapatan semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka dapat diperoleh semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah yang digubal atau sebahagian besarnya digubal, pada tarikh pelaporan di negara-negara dalam mana Kumpulan Wang beroperasi dan menghasilkan pendapatan boleh dicukai.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara-perkara diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

#### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya untuk tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda telah diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibah atau aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan
- berhubung dengan perbezaan sementara boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan kepentingan dalam entiti dikawal bersama, apabila pemasaan pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ianya berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa hadapan boleh diramal.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, penghantaran ke hadapan kredit cukai tidak diguna dan kerugian cukai tidak diguna sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan penghantaran ke hadapan kredit cukai tidak diguna dan kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.4 Cukai pendapatan (samb.)

#### (b) Cukai tertunda (samb.)

- berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara akan berbalik pada masa hadapan boleh diramal dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Jumlah dibawa aset cukai tertunda dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga tahap yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf sehingga tahap yang ia menjadi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan membolehkan aset cukai tertunda untuk digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tahun apabila aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian. Perkara cukai tertunda diiktiraf dalam hubung kait dengan urus niaga mendasari sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda timbul daripada kombinasi perniagaan diselaraskan terhadap muhibah atas pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda adalah dihapus kira, sekiranya terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk menolak aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan pihak berkuasa cukai yang sama.

### 2.5 Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

#### (a) Sumbangan daripada pemegang lesen

Sumbangan telah diiktiraf atas dasar akruan ke atas penyerahan Penyata Hasil Bersih ("RONR") tahunan pemegang-pemegang lesen yang dinyatakan pada 6% ke atas hasil bersih ditentukan. Pemegang-pemegang lesen yang hasil bersih adalah di bawah RM2 juta tidak diperlukan untuk membuat sumbangan.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.5 Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (samb.)

#### (a) Sumbangan daripada pemegang lesen (samb.)

Sumbangan berpotensi daripada pemegang-pemegang lesen yang tidak mengemukakan Penyata RONR tahunan mereka diiktiraf berdasarkan RONR tahun sebelumnya. Sekiranya mana-mana daripada ini tidak boleh didapati, hasil tidak diiktiraf disebabkan ketidakpastian material berkaitan dengan jumlah sumbangan perlu dibayar oleh pemegang-pemegang lesen tersebut.

#### (b) Tuntutan oleh pemberi perkhidmatan sejagat

Tuntutan dibuat oleh pemberi perkhidmatan sejagat ("PPS") bagi perbelanjaan pemberi perkhidmatan dalam projek-projek mereka untuk melaksanakan dan menyediakan akses kepada perkhidmatan telefoni asas, perkhidmatan telefon berbayar awam dan akses internet di kawasan-kawasan sasaran perkhidmatan yang ditetapkan.

Ia diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila dokumen-dokumen menyokong tuntutan dikemukakan oleh pemberi perkhidmatan.

#### (c) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

### 2.6 Aset kewangan

#### (a) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos terlunas mengguna kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang telah diklasifikasi sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh penyelesaian lewat daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan yang diklasifikasi sebagai aset bukan semasa.

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset telah tamat tempoh. Atas penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhan, perbezaan di antara jumlah dibawa dan jumlah balasan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.6 Aset kewangan (samb.)

#### (a) Pinjaman dan penghutang (samb.)

Pembelian atau jualan cara biasa adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang amnya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan. Semua pembelian atau jualan cara biasa aset kewangan diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh perdagangan iaitu, tarikh di mana Kumpulan Wang melakukan pembelian atau penjualan aset.

### 2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi selaras dengan kandungan pengaturaman kontrak yang ditandatangani dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan Wang menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atau lain-lain liabiliti kewangan. Semua liabiliti kewangan Kumpulan Wang diklasifikasi sebagai lain-lain liabiliti kewangan.

### 2.8 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank dan diukur sebagai pinjaman dan penghutang selaras dengan polisi Nota 2.6(a).

### 2.9 Kerosotan nilai aset kewangan

#### (a) Aset kewangan

Semua aset kewangan dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif kerosotan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset. Kerugian dijangka berpunca daripada peristiwa-peristiwa masa hadapan, tidak kira sejauh mana kemungkinannya, tidak diiktiraf.

Kerugian kerosotan nilai berhubung dengan pinjaman dan penghutang diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan aset yang asal. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, kerugian kerosotan nilai diterbalikkan, sehingga tahap yang jumlah dibawa aset tidak melebihi apa yang jumlah dibawa mungkin ada sekiranya kerosotan nilai tidak diiktiraf pada tarikh kerosotan nilai diterbalikkan. Jumlah keterbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.9 Kerosotan nilai aset kewangan (samb.)

#### (b) Lain-lain aset

Jumlah dibawa lain-lain aset disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Sekiranya apa-apa petunjuk sedemikian wujud, maka jumlah boleh diperoleh semula aset dianggarkan.

Untuk tujuan pengujian kerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan aset terkecil yang menghasilkan aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya adalah bebas daripada aliran masuk tunai lain-lain aset atau unit penghasilan tunai.

Jumlah boleh diperoleh semula aset atau unit penghasilan tunai adalah nilai dalam penggunaan dan nilai saksamanya yang mana lebih besar tolak kos pelupusan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa akan nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada aset atau unit penghasilan tunai.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf sekiranya jumlah dibawa aset atau unit penghasilan tunai berkaitannya melebihi anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf berhubung dengan unit penghasilan tunai diperuntukkan untuk mengurangkan jumlah dibawa aset-aset lain dalam unit penghasilan tunai (kumpulan unit penghasilan tunai) atas dasar pro-rata.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam tempoh-tempoh terdahulu dinilai pada akhir setiap tempoh pelaporan bagi sebarang petunjuk bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian kerosotan nilai diterbalikkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh semula sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Kerugian kerosotan nilai diterbalikkan hanya setakat bahawa jumlah dibawa aset-aset tidak melebihi jumlah dibawa yang akan ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian kerosotan nilai telah diiktiraf. Keterbalikan kerugian kerosotan nilai telah dikreditkan kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan dalam tahun kewangan dalam mana keterbalikan telah diiktiraf.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.10 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang mungkin akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindah liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling memberi kelebihan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menghasilkan manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjual kepada peserta pasaran yang lain yang mungkin menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Apabila mengukur nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Suruhanjaya mengguna data pasaran boleh diperhatikan setakat yang mungkin. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: harga disebut harga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa yang Kumpulan Wang boleh akses pada tarikh pengukuran.

Tahap 2: input-input selain daripada harga disebut harga dimasukkan dalam Tahap 1 yang adalah boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: input-input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan Wang mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama setakat tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

### 2.11 Klasifikasi semasa dan bukan semasa

Kumpulan wang membentangkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa dan bukan semasa.

Aset diklasifikasikan sebagai semasa apabila:

- dijangka dapat direalis atau dihasratkan untuk dijual atau diguna dalam kitaran operasi biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- dijangka dapat direalis dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- tunai dan setara tunai melainkan disekat daripada ditukar atau diguna untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan

Semua aset lain diklasifikasi sebagai bukan semasa.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.11 Klasifikasi semasa dan bukan semasa (samb.)

Liabiliti diklasifikasi sebagai semasa apabila:

- ia dijangka akan diselesaikan dalam kitaran operasi biasa;
- ia dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- ia akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- tidak ada hak tidak bersyarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua liabiliti lain diklasifikasi sebagai bukan semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan masing-masing sebagai aset dan liabiliti bukan semasa.

### 2.12 Mata wang asing

#### (a) Mata wang kefungsiian dan mata wang pembentangan

Penyata individu Kumpulan Wang diukur dengan menggunakan mata wang mengikut persekitaran ekonomi primer dalam mana entiti beroperasi ("mata wang kefungsiian"). Penyata kewangan telah dibentangkan dalam RM, yang juga merupakan mata wang kefungsiian Kumpulan Wang.

### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh mengakibatkan hasil yang mungkin memerlukan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

#### (a) Pertimbangan kritikal dibuat dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan

Tidak ada pertimbangan kritikal yang dibuat dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan Kumpulan Wang yang mungkin mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

## 2. Ringkasan polisi perakaunan penting (samb.)

### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting (samb.)

#### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

##### (i) Cukai pendapatan

Andaian utama mengenai masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

Anggaran ketara adalah terlibat dalam menentukan peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat urus niaga dan pengiraan tertentu untuk yang mana penentuan cukai akhir adalah tidak pasti semasa perjalanan biasa perniagaan. Kumpulan Wang mengiktiraf liabiliti bagi isu cukai yang dijangka berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan menjadi kena dibayar. Di mana keputusan cukai akhir perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

##### (ii) Cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan penting diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan pemasaan yang mungkin dan tahap keuntungan boleh dicukai masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Butir-butir lanjut terkandung dalam Nota 3.

##### (iii) Kerosotan nilai pinjaman dan penghutang

Kumpulan Wang dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang penghutang telah rosot nilai. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif kerosotan nilai, Kumpulan Wang mempertimbangkan faktor-faktor seperti kemungkinan ketaksolvenan atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan pemungkiran atau pengurangan ketara dalam kadar kutipan.

Apabila terdapat bukti objektif kerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan adalah dianggarkan berdasarkan pengalaman sejarah kerugian bagi aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa.



**3. Aset cukai tertunda**

	2016 RM'000	2015 RM'000
Pada permulaan tahun	1,945	1,971
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 11)	3,404	(26)
Pada akhir tahun	5,349	1,945

Aset cukai tertunda hanya timbul daripada perbezaan sementara daripada peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai caruman dan lain-lain penghutang.

**4. Lain-lain pelaburan**

	2016 RM'000	2015 RM'000
Ini terdiri daripada deposit tempoh dengan:		
- bank-bank berlesen	7,550,000	6,640,000

Deposit jangka pendek dengan bank-bank berlesen dibuat dengan tempoh matang berkisar daripada 3 hingga 12 bulan. Deposit menanggung purata wajaran kadar faedah sebanyak 4.1% (2015:3.8%).

**5. Caruman dan lain-lain penghutang**

	2016 RM'000	2015 RM'000
Caruman boleh diterima	1,021,424	1,825,288
tolak: peruntukan bagi kerosotan nilai	(19,103)	(25,942)
	1,002,321	1,799,346
Penghutang pendapatan faedah	135,584	92,240
	1,137,905	1,891,586

Analisis pengusuaian:

Pengusuaian caruman boleh diterima pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Tidak lampau tempoh tidak juga rosot nilai	1,002,321	1,799,346
Lampau tempoh dan rosot nilai	19,103	25,942
	1,021,424	1,825,288

## 5. Caruman dan lain-lain penghutang (samb.)

Caruman penghutang yang adalah tidak lampau tempoh tidak juga rosot nilai

Caruman penghutang yang adalah tidak lampau tempoh tidak juga rosot nilai adalah pemegang lesen yang mempunyai kepercayaan kredit dengan rekod bayaran yang baik.

Caruman penghutang yang telah rosot nilai

Caruman penghutang yang telah rosot nilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan akaun peruntukan yang digunakan untuk merekodkan kerosotan nilai adalah seperti berikut:

	2016 RM'000	2015 RM'000
<u>Rosot nilai secara individu:</u>		
Jumlah nominal	19,103	25,942
Tolak: Peruntukan bagi kerosotan nilai	(19,103)	(25,942)
	-	-

Pergerakan dalam akaun peruntukan:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Pada 1 Januari	25,942	38,891
Tambahan	6,636	3,385
Keterbalikan	(11,766)	(10,854)
Dihapus kira	(1,709)	(5,480)
Pada 31 Disember	19,103	25,942

Caruman penghutang yang ditentukan sebagai rosot nilai secara individu pada tarikh laporan berkaitan dengan pemegang lesen yang mungkir dalam bayaran. Ini tidak dijamin oleh mana kolateral atau peningkatan kredit. Tidak ada faktor selanjutnya yang menjamin balasan kerosotan nilai tambahan atas asas kolektif.

## 6. Tunai dan setara tunai

	2016 RM'000	2015 RM'000
Tunai di bank	7,748	12,424
Deposit dengan bank-bank berlesen	391,112	1,116,342
Jumlah tunai dan setara tunai	398,860	1,128,766
Caruman dan lain-lain penghutang	1,137,905	1,891,586
Jumlah pinjaman dan penghutang	1,536,765	3,020,352

## 6. Tunai dan setara tunai (samb.)

Deposit dengan bank-bank berlesen dibuat bagi tempoh matang antara satu hari dan tiga bulan (2015: satu hari dan 3 bulan) bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan Wang dengan purata kadar faedah sebanyak 4.1% (2015: 3.8%).

## 7. Lain-lain pemiutang

	2016 RM'000	2015 RM'000
Pemiutang runcit	340,592	-
Tuntutan PPS terakru	489,850	1,117,676
Jumlah liabiliti kewangan pada kos dilunaskan	830,442	1,117,676

## 8. Dana terkumpul

	2016 RM'000	2015 RM'000
Pada 1 Januari	8,445,207	8,147,129
Lebihan selepas cukai	58,205	298,078
Pada 31 Disember	8,503,412	8,445,207

## 9. Fi audit

Fi audit sebanyak RM55,000 (2015: RM50,000) ditanggung oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

## 10. Caruman

Caruman mewakili dana yang diterima daripada pemegang lesen yang dikehendaki untuk mencarum kepada dana sebagaimana ditetapkan dalam lesen yang diberikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

## 11. Perbelanjaan cukai

	2016 RM'000	2015 RM'000
Perbelanjaan cukai pendapatan		
- Tahun semasa	18,595	99,414
Perbelanjaan cukai tertunda		
- Pengasalan dan keterbalikan perbezaan sementara	1,915	26
- Berkaitan dengan perubahan dalam kadar cukai pendapatan	(778)	-
- Terlebi peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu	(4,541)	-
	(3,404)	26
<b>Jumlah perbelanjaan cukai</b>	<b>15,191</b>	<b>99,440</b>

Pendapatan boleh dikenakan cukai Kumpulan Wang dicukai pada kadar berskala yang terpakai kepada individu. Cukai pendapatan semasa domestik dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 25% (2015: 26%) bagi pendapatan pertama yang boleh dikenakan cukai sebanyak RM1,000,000 dan baki cukai pada kadar cukai berkanun sebanyak 28% (2015: 25%).

Penyelarasan perbelanjaan cukai pendapatan terpakai kepada lebih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan berkesan Kumpulan Wang adalah seperti berikut:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Lebih sebelum cukai	73,396	397,518
RM1,000,000 pertama	250	235
Cukai selebihnya pada kadar cukai berkanun sebanyak 25%	-	99,130
Kadar selebihnya pada kadar cukai berkanun sebanyak 28%	20,260	-
Kesan ke atas cukai tertunda ke atas perubahan dalam kadar cukai pendapatan	(778)	-
Terlebi peruntukan cukai tertunda dalam tahun terdahulu	(4,541)	-
Pendapatan tidak boleh dicukai	-	75
	15,191	99,440

## 12. Komitmen

	2016 RM'000	2015 RM'000
Kos bagi pelaksanaan Pemberian Perkhidmatan Sejagat:		
Diperuntukkan tetapi belum diluluskan	5,270,000	4,073,000
Diluluskan tetapi tidak diperuntukkan	4,835,044	3,533,705
	10,105,044	7,606,705

## 13. Instrumen kewangan

### (a) Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan.

Kumpulan Wang terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko kewangan utama termasuk risiko kadar faedah (kedua-dua nilai saksama dan aliran tunai), risiko mudah tunai dan risiko kredit.

Anggota-anggota mengkaji dan menyetujui polisi dan prosedur bagi pengurusan risiko-risiko ini, yang telah dilaksanakan oleh Pengerusi. Jawatankuasa audit menyediakan pengawasan bebas terhadap keberkesanan proses pengurusan risiko.

### (b) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko yang nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Kumpulan Wang akan naik turun disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada deposit dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen.

### (c) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai adalah risiko yang Kumpulan Wang tidak akan dapat memenuhi obligasi-obligasi kewangan apabila tiba masanya. Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko mudah tunai timbul terutamanya daripada lain-lain pemiutangnya.

Kumpulan Wang mengekalkan tahap wang tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memastikan, setakat yang mungkin, yang ia akan dapat memenuhi liabilitinya apabila tiba masanya.

Liabiliti Kumpulan Wang semuanya perlu dibayar dalam tempoh satu tahun selepas akhir tahun kewangan.

### 13. Instrumen kewangan (samb.)

#### (d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Kumpulan Wang sekiranya penyedia perkhidmatan atau pihak satu lagi kepada instrumen kewangan gagal untuk memenuhi obligasi-obligasi kontraknya. Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada caruman dan lain-lain penghutang dan deposit.

#### Caruman dan lain-lain penghutang

Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit timbul daripada caruman dan lain-lain penghutang diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

Pengurusan telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan agar penghutang yang tidak melepasi tempoh kena dibayar tidak juga rosot nilai dinyatakan pada nilai boleh direalisnya.

Sebahagian daripada penghutang ini adalah pemegang-pemegang lesen utama yang telah lama berurus niaga dengan Kumpulan Wang pada masa lepas. Kumpulan Wang menggunakan analisis pengusiaan untuk mengawasi kualiti kredit penghutang. Mana-mana penghutang yang mempunyai baki ketara melepasi tempoh kena dibayar lebih daripada 360 hari, yang dianggap mempunyai risiko kredit lebih tinggi, adalah diawasi secara individu.

#### Deposit ditempatkan dengan bank berlesen

*Objektif, polisi dan proses pengurusan risiko bagi menguruskan risiko*

Deposit dibenarkan untuk ditempatkan hanya dengan institusi-institusi kewangan berlesen.

*Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral*

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan Wang hanya menempatkan deposit dengan bank-bank berlesen domestik. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit timbul daripada deposit yang ditempatkan dengan bank-bank berlesen yang diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

#### (e) Nilai saksama instrumen kewangan

Jumlah dibawa tunai dan setara tunai, caruman dan lain-lain penghutang dan lain-lain pemiutang secara munasabah menyamai nilai saksamanya disebabkan oleh kematangan yang agak jangka pendek instrumen-instrumen kewangan ini.

#### 14. Pihak-pihak berkaitan

##### Identiti pihak-pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap sebagai berkaitan kepada Kumpulan Wang sekiranya Kumpulan Wang mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau secara bersama mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan kendalian, atau vice versa, atau di mana Kumpulan Wang dan pihak adalah tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau lain-lain entiti.

Pihak-pihak berkaitan juga termasuk personel pengurusan penting ditakrifkan sebagai orang-orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal kegiatan-kegiatan Kumpulan Wang sama ada secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan penting termasuk semua Anggota Suruhanjaya, dan pengurusan kanan Suruhanjaya.

Kerajaan Malaysia ("GOM") termasuk entiti yang dikawal, dikawal secara bersama atau di bawah pengaruh penting oleh GOM dianggap sebagai pihak-pihak berkaitan Suruhanjaya. Semua urusan niaga yang diproses oleh Suruhanjaya bagi entiti yang berkaitan dengan GOM adalah dilaksanakan dalam perjalanan biasa perniagaan.

#### 15. Urus niaga dengan personel pengurusan penting

Tidak ada urusan niaga dengan personel pengurusan penting dalam tahun kewangan. Sebagaimana dinyatakan dalam Nota 12, imbuhan personel pengurusan penting dibayar oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

#### 16. Urus niaga pihak berkaitan

Tidak ada urusan niaga pihak berkaitan dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya selain daripada yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan.

#### 17. Polisi pengurusan dana

Objektif utama pengurusan dana Kumpulan Wang adalah untuk memastikan bahawa ia dapat memenuhi liabilitinya bila dan apabila tiba masanya dan untuk mencapai objektif operasinya.

Kumpulan Wang mengurus dana terkumpulnya dengan memperuntukkan perbelanjaan keperluan pendanaannya dan menyelaraskan perbelanjaannya sebagaimana diperlukan. Kumpulan Wang terus memantau belanjawannya terhadap keputusan sebenar dan mengenal pasti kecekapan dalam operasinya.

Tiada perubahan telah dibuat dalam objektif, polisi atau proses dalam tahun-tahun berakhir 31 Disember 2016 dan 2015.

## 18. Prosiding undang-undang

Dalam tahun 2016, Pemegang Lesen telah memfailkan guaman sivil (“Guaman Sivil”) terhadap Suruhanjaya berikutan pembatalan penamaan Pemegang Lesen sebagai Pemberi Perkhidmatan Sejangat yang Dinamakan untuk dua projek.

Dalam Guaman Sivil tersebut, Pemegang Lesen telah menuntut pampasan monetari berjumlah lebih kurang RM109.6 juta, yang mana RM45.2 juta adalah berkaitan dengan kos yang ditanggung bagi Projek-projek dan baki selebihnya adalah bagi kerugian tambahan yang ditanggung oleh Pemegang Lesen.

Pada 14 November 2016, Pemegang Lesen telah memfailkan permohonan bagi Penghakiman Terus di Mahkamah Tinggi (“Permohonan Penghakiman Terus”) berhubung dengan hutang yang kena dibayar oleh Suruhanjaya kepada Pemegang Lesen berjumlah RM36.0 juta.

Pada 16 November 2016, Suruhanjaya membuat permohonan untuk membatalkan Guaman Sivil (“Permohonan Pembatalan”), yang telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 4 April 2017 dengan kos diberikan kepada Pemegang Lesen. Berikutan penolakan Permohonan Pembatalan, Suruhanjaya telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan pada 11 April 2017 terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah menolak Permohonan Pembatalan (“Rayuan”).

Susulan pemfailan Rayuan, Suruhanjaya telah memohon penggantungan prosiding bagi Permohonan Penghakiman Terus dan Guaman Sivil, yang telah dibenarkan. Rayuan telah didengar oleh Mahkamah Rayuan pada 13 September 2017. Pada tarikh laporan ini, tarikh bagi penyampaian keputusan Rayuan masih belum ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan.

Tertakluk kepada keputusan Rayuan, Suruhanjaya akan mempertimbangkan tindakan undang-undang selanjutnya yang akan diambil terhadap Pemegang Lesen, dengan mengambil kira jumlah sedia ada yang Pemegang Lesen berhutang kepada Suruhanjaya, antara lain, bagi penyambungan pelaksanaan Projek-projek di kawasan-kawasan yang tidak dapat disiapkan oleh Pemegang Lesen.

Suruhanjaya, berdasarkan nasihat peguam luarnya, menilai dan memutuskan bahawa terdapat kebarangkalian yang Suruhanjaya akan berjaya dalam membela Guaman Sivil dan oleh itu, tiada peruntukan yang akan dibuat berhubung dengan jumlah yang ditetapkan di atas.

## 19. Perbandingan

Perbandingan telah diaudit oleh firma juruaudit selain daripada Ernst & Young.